



مركز الدعوة الإسلامية  
ISLAMIC DAWAH CENTRE

Bil: 52

# Auladuna


2025(UP)600-002/042(52)



SEMPURNAKANLAH  
WUDHU'

**Mu'jizat Nabi Yusuf 'alaihissalam 6**  
**Jabal Tsur 9**

**Info Auladuna: Wajib Wudhu' dan**  
**Perkara Makruh Ketika berwudhu' 10-11**  
**Ingin Tahu: Kelebihan Wudhu' 14**



# Kandungan Auladuna

3 Kalam Auladuna

4 Asma'ul Husna

5 Pengenalan Surah

6 Muji'zat Nabi

7 Belajar Bahasa Arab

8 Asah Minda

9 Tempat Sejarah Islam

10 Info Auladuna

11 Info Auladuna

12 Amar Ma'ruf

13 Nahi Mungkar

14 Ingin Tahu

15 Sambung Jawi

16 Baca dan Salin Semula

17 Sesuai dan Padankan

18 Kenafi Masjid

19 Benda Tersembunyi

20 Doa

## Anggota Redaksi

### Ketua Editor

Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

### Penolong Ketua Editor

Qairunnisa binti Haji Jalil

### Penyelaras

Hajah Ratna Wati binti Haji Abd. Karim

### Pemasaran

Zaerah binti Haji Mus

Hajah Margawati binti Abd. Rahman

Nurul Nabilah binti Masri

Mohammad Adi Shahrul bin Mazziz

### Pembantu Penyelaras

Mohammad Zeliha bin Ahad

Azizah binti Hidup

Rokiah binti Haji Mohamad Serudin

Dahlan bin Chuchu

Pg. Yusdi bin Pg. Rumbli

Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Jamaluddin

### Atur Huruf dan Reka Bentuk

Suriati Haji Ali Hussin

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

## KEBERSIHAN DENGAN BERWUDHU'

**W**ahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu hendak mendirikan sembahyang (sedang kamu berhadats kecil) maka (berwudhu'lah iaitu) basuhlah muka kamu dan kedua-dua tangan kamu hingga ke siku, sapulah sebahagian daripada kepala kamu dan basuhlah kedua-dua kaki kamu hingga ke buku lali... Allah tidak menghendaki untuk menjadikan kamu menanggung suatu kesusahan tetapi Allah berkehendak untuk membersihkan kamu...

(Terjemahan makna ayat surah al-Maa'idah:6)

**A**dik-Adik, agama Islam sangat menyukai kebersihan seperti bersih tubuh badan, pakaian kita dan rumah. Kebersihan itu sangat penting. Kita sebagai umat Islam diperintahkan dan wajib untuk menyucikan diri apabila hendak melakukan ibadah sembahyang iaitu dengan berwudhu' seperti perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Maa'idah ayat di atas.

**A**dik-Adik, wudhu' itu adalah satu cara menyucikan diri daripada hadats kecil dengan membasuh anggota-anggota tertentu seperti tangan, muka, hidung, kepala, telinga dan kaki dengan menggunakan air yang suci dan tidak bercampur najis. Wudhu' juga wajib bagi kita yang hendak melakukan thawaf dan menyentuh al-Qur'an.

**B**erwudhu' bukan untuk menyusahkan diri kita melainkan untuk kebersihan supaya badan kita rasa sihat, bersih dan segar untuk melakukan ibadah.

Lafaz niat wudhu'

نَوَيْتُ رَفْعَ الْحَدَثِ الْأَصْغَرِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya:

Sahaja aku mengangkat hadats kecil kerana Allah Ta'ala




# الْحَمِيدُ

## AL-HAMID

**B**agi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, al-Hamid bermaksud terpuji. Dialah Tuhan yang layak bagi semua jenis pujian dan dimuliakan oleh semua makhluk kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* bersifat dengan segala kesempurnaan.

*Dan sesungguhnya Allah, Dialah yang Maha Kaya lagi Maha Terpuji*  
(Terjemahan makna ayat surah al-Hajj:64)

Allah Maha Terpuji melimpahkan dan memberikan segala kurniaan ni'mat kepada makhluk-Nya dan sangat layak dipuji.



# سُورَةُ الْأَعْلَى

## Surah al-A'laa

- Surah ke-87
- Surah ini diturunkan di Mekah
- Mengandungi 19 ayat
- Surah ini juga disebut sebagai Surah Sabbihi
- Surah ini memerintahkan manusia supaya sentiasa memuji nama Allah yang Maha Suci daripada segala kecacatan
- Sifat kesempurnaan Allah yang disebutkan ialah:
  - Allah ialah Pencipta
  - Penentu keadaan makhluk-Nya
  - Pemberi petunjuk ke arah kebaikan
  - Dia yang menumbuhkan rumput-rumput
  - Dialah juga menjadikan rumput itu layu dan kering.
- Dua berita gembira kepada Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam (dibacakan ayat-ayat al-Qur'an dan akan dapat menghafaznya dan tidak akan melupainya).
- Allah memerintahkan Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam memberi peringatan kepada manusia agar memperingati al-Qur'an dan mengambil manfaatnya.



**N**abi Yusuf 'alaihissalam dikenali sebagai nabi yang berwajah tampan dan rupawan. Baginda juga diberikan mu'jizat dapat menafsirkan mimpi.

Hal ini bermula dengan mimpi Nabi Yusuf 'alaihissalam yang melihat bintang, matahari dan bulan yang semuanya sujud kepada Nabi Yusuf 'alaihissalam. Mimpi tersebut menjadi petanda bahwa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menurunkan wahyu kepadanya. Perkara ini ada disebutkan dalam al-Qur'an:

*... "Wahai bapaku! Sesungguhnya aku telah bermimpi melihat sebelas bintang dan matahari serta bulan, aku melihat mereka sujud (memberi hormat) kepadaku.*

(Terjemahan makna surah Yuusuf ayat: 4)

**K**emampuan Nabi Yusuf 'alaihissalam dalam menafsirkan mimpi yang paling diingati ialah ketika baginda menafsirkan mimpi yang dikisahkan dalam surah Yusuf ayat 43 mengenai seorang Raja Mesir yang bermimpi melihat tujuh ekor lembu betina yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan melihat tujuh tangkai gandum yang hijau dan dilingkari oleh tujuh tangkai lain yang kering.

*Nabi Yusuf berkata: "Hendaklah kamu bercucuk tanam seperti biasa selama tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu tuai biarkanlah ia pada tangkai-tangkainya (supaya ia tidak cepat rosak) kecuali sedikit untuk kamu makan." "Kemudian akan datang sesudah itu tujuh tahun musim kemarau yang dahsyat yang akan menghabiskan bekalan makanan yang kamu sediakan untuk menghadapinya kecuali sedikit daripada apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih)." "Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang pada (ketika) itu manusia dikurniakan hujan dan mereka dapat memerah (hasil tanaman seperti anggur, zaitun dan lain-lain)."*

(Terjemahan makna surah Yuusuf ayat: 47-49)





أحمد  
Ahmad



عمر  
Omar

BELAJAR  
BAHASA ARAB



مَا هَوَايَتُكَ؟  
Apakah hobi kamu?



هَوَايَتِي قِرَاءَةُ الْكِتَابِ.  
Hobi saya membaca buku.



أَيُّ كِتَابٍ تُحِبُّ أَنْ تَقْرَأَ؟  
Buku apa yang kamu suka baca?



أَحِبُّ قِرَاءَةَ الْكُتُبِ عَنِ الْقِصَصِ الْأَنْبِيَاءِ.  
Saya suka membaca buku-buku  
mengenai kisah para nabi.



مَتَى تَقْرَأُ الْكُتُبَ؟  
Bila waktu kamu membaca buku?



أَقْرَأُ قَبْلَ النَّوْمِ، وَفِي وَقْتِ الْفَرَاغِ.  
Saya membaca sebelum tidur dan  
pada waktu lapang.







بَارَكَ اللَّهُ فِيكَ.  
Semoga Allah memberkatimu.

وَفِيكَ بَارَكَ اللَّهُ.  
Semoga Allah memberkatimu  
juga.





ASAH MINDA






# CARI ANGGOTA WUDHU' PADA EJAAN JAWI DI BAWAH INI



تاغن مولوت هيدوغ موك لغن كفلا تليغا كاي

m 3

ك	ا	ك	ي	و	لا	ث	ر	ع	ل
ب	ش	ص	ذ	ص	ب	ر	غ	د	ع
ف	ك	ق	م	و	ل	و	ت	ج	ن
ز	و	ب	ك	ر	ب	ج	ق	ع	و
ق	ر	ي	ه	ا	ت	ي	ن	ق	ر
ض	ت	ل	ي	غ	ا	ن	ب	ي	ب
ب	غ	ب	د	ا	ت	و	ه	لا	ب
ت	ث	ه	و	ن	ب	ن	و	ج	ك
ا	ح	ب	غ	ه	ب	ا	ء	ب	ق
غ	ر	ب	ة	ش	م	و	ك	ص	ا
ن	م	د	و	ل	ي	ا	ن	ب	لا
ب	ة	ش	ا	ح	لا	ب	ر	ف	ص





# JABAL TSUR

**P**eristiwa sejarah Islam iaitu Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan Saiyidina Abu Bakar pernah bersembunyi di dalamnya ketika mereka dikejar oleh kaum Musyrikin Mekah pada tahun 622M.

Allah telah menolong mereka dengan sarang labah-labah dan burung merpati yang sedang bertelur di pintu gua.

Terletak di kota Mekah.

Jabal Tsur merupakan sebuah bukit berbatu.

Di puncak bukit terdapat sebuah gua dikenali sebagai Gua Tsur.

Mendaki Jabal Tsur mengambil masa satu jam setengah untuk sampai ke Gua Tsur.

Keadaan yang sangat sempit dan perlu merangkak masuk ke dalamnya.

*Jika kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam) maka sesungguhnya Allah telah pun menolongnya (iaitu) ketika orang-orang yang kafir mengusirnya (dari Mekah) sedang dia salah seorang daripada dua (sahabat) semasa mereka berdua (berlindung) di dalam gua (di bukit Tsur)...*

(Terjemahan makna ayat surah at-Taubah: 40)





INFO  
AULADUNA

# WAJIB WUDHU'

1 Ketika menunaikan  
sembahyang



2 Ketika hendak  
melakukan thawaf



3 Ketika memegang  
atau membaca  
al-Qur'an



4 Sujud tilawah atau  
sujud syukur



# PERKARA MAKRUH KETIKA BERWUDHU'

INFO  
AULADUNA

01

Menggunakan air secara  
berlebih-lebihan



02

Mendahulukan anggota kiri  
ketika membasuh tangan dan  
kaki



03

Mengelap anggota wudhu'  
selepas berwudhu'



04

Berkumur-kumur secara  
berlebih-lebihan



05

Menampar air ke muka  
ketika membasuh muka



06

Membersihkan dan menyapu  
melebihi tiga kali





Sunnah Nabi:  
**WUDHU' SEBELUM TIDUR**

**Hadits riwayat Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya, daripada al-Baraa' bin 'Aazib, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:**

إِذَا أَتَيْتَ مَضْجَعَكَ، فَتَوَضَّأْ وُضُوءَكَ  
لِلصَّلَاةِ، ثُمَّ اضْطَجِعْ عَلَى شِقِّكَ الْأَيْمَنِ...

**Maksudnya:**

***"Apabila kamu mendatangi tempat tidurmu maka berwudhu'lah sebagaimana wudhu'mu ketika sembahyang kemudian berbaringlah pada sisi kanan badanmu..."***





## LARANGAN BERKAWAN DENGAN KAUM YANG DIMURKAI ALLAH

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَوَلَّوْا قَوْمًا غَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ  
قَدْ يَئِسُوا مِنَ الْآخِرَةِ كَمَا يَئِسَ الْكُفَّارُ مِنْ أَصْحَابِ الْقُبُورِ ﴿١٣﴾

**Ma'humnya:**

***Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadikan suatu kaum yang dimurkai Allah sebagai penolong kamu. Sesungguhnya mereka telah berputus asa daripada mendapat kebaikan akhirat sebagaimana orang-orang kafir yang telah berada di dalam kubur itu berputus asa.***

**(Surah al-Mumtahanah:13)**



## KELEBIHAN WUDHU'

Hadits Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* berkata: "Aku mendengar Rasulullah *shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

”إِنَّ أُمَّتِي يَأْتُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ غُرًّا مُّحَجَّلِينَ، مِنْ أَثْرِ  
الْوُضُوءِ، فَمَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يُطِيلَ غُرَّتَهُ فَلْيَفْعَلْ.

Maksudnya:

"*Sesungguhnya pada hari Kiamat kelak umatku akan dipanggil dalam keadaan Ghurran Muhajjalin (dalam keadaan bercahaya dan putih) dari kesan wudhu' mereka (yang sempurna). Sesiapa yang mampu untuk memperluaskan keluasan cahayanya, maka lakukanlah seperti itu.*"



SILA ADIK-ADIK SAMBUNG  
EJAAN JAWI BERIKUT

SAMBUNG JAWI

وض وء

ن ي ة

روك ون

ش ر ط

س ن ة



BACA DAN SALIN  
SEMULA

نَوَيْتُ رَفْعَ الْحَدَثِ الْأَصْغَرِ لِلَّهِ تَعَالَى

نَوَيْتُ رَفْعَ الْحَدَثِ الْأَصْغَرِ لِلَّهِ تَعَالَى





## KENALI MASJID

# MASJID AN-NA'IM KAMPONG PANCOR MENGKUBAU

**M**asjid ini dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 29 Syaaban 1446H bersamaan 28 Februari 2025M.




**M**asjid An-Na'im terletak di kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampong Pancor Mengkubau. Dibina di atas sebidang tanah berkeluasan lapan ekar. Masjid ini mempunyai kapasiti untuk menampung lebih kurang 2,500 orang jemaah.




**A**ntara kemudahan yang disediakan di masjid ini adalah Dewan Sembahyang Utama Lelaki, Dewan Sembahyang Perempuan, Bilik Kuliah, Bilik Perpustakaan, Pejabat Pentadbiran, Bilik P.A. Sistem, tandas dan tempat berwudhu' lelaki, tandas dan tempat berwudhu' perempuan, tandas Orang Kelainan Upaya lelaki dan perempuan, bilik pengurusan jenazah dan tempat letak kereta.






BENDA TERSEMBUNYI



Cuba adik-adik cari benda yang terdapat dalam bilik permainan ini.



## DOA SELEPAS WUDHU'

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ  
اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَّابِينَ  
وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ  
وَاجْعَلْنِي مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ  
سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

### Ertinya:

"Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad adalah hamba dan rasul-Nya. Ya Allah! Jadikanlah aku dari orang-orang yang bertaubat dan jadikanlah aku dari orang-orang yang suci, dan jadikanlah aku dari hamba-hamba-Mu yang shalih. Maha Suci Engkau Ya Allah dan segala puji bagi-Mu. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Engkau dan memohon keampunan-Mu dan aku bertaubat kepada-Mu. Semoga Allah melimpahkan rahmat dan sejahtera ke atas Saiyidina Muhammad dan sekalian keluarga serta sahabatnya."